

# Usah terperangkap arus kemajuan era digital: Tun M

Rakyat diingat tak ketepi nilai murni jadi teras kemajuan negara

Oleh Mohd Azis Ngah dan Haika Khazi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Tun Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat supaya tidak terperangkap dalam arus kemajuan era digital dan automasi sehingga menepikan terus nilai baik yang menjadi teras kemajuan.

Perdana Menteri berkata, disebabkan terpaksa mengejar arus permodenan yang berkonsepkan siapa cepat dia dapat, rakyat seolah-olah tidak berupaya untuk menerap nilai-nilai itu yang menjadi pegangan golongan yang berjaya.

"Sebenarnya, nilai yang baik itu bukanlah penghalang kepada usaha mengejar pemodenan, malah ia mampu memastikan kita berjaya ketika berpegang kepada nilai, adat dan budaya.

"Amalan daripada budaya dan adat resam yang turun-temurun kita hayati itu sudah merentas zaman. Ramai bangsa kita yang berjaya adalah kalangan mereka yang berpegang teguh kepada amalan ini," katanya berucap melancarkan Piagam Warisan dan Budaya Tanah Air di Muzeum Kesenian Islam, di sini, semalam.

Program anjuran Yayasan Al-bukhary dengan kerjasama Yayasan Budi itu turut dihadiri Pengerusi Yayasan Budi, Tan Seri Dr Rais Yatim serta Pengasas Yayasan Al-bukhary, Tan Sri Syed Mokhtar Albukhary.

Piagam itu diwujudkan hasil resolusi yang dibentangkan pada Kongres Kebudayaan 1971 dan Kongres Budaya pada 2017.

Dr Mahathir berkata, kerajaan bercita-cita mahu menjaga dan mengekalkan kesenian rakyat Malaysia yang penuh dengan kepelbagaian adat resam dan cara hidup.

Justeru, katanya, tamadun lampau, sejarah, kesan-kesan perjuangan bangsa pada zaman dahulu cukup penting untuk diselidik dan diberi penilaian supaya rakyat dapat belajar daripada sejarah lama.

||

***Amalan daripada budaya dan adat resam yang turun-temurun kita hayati itu telah merentas zaman. Ramai bangsa kita yang berjaya adalah kalangan mereka yang berpegang teguh kepada amalan ini.***

***Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri***

"Kita sering mendengar kata-kata bahawa sejarah akan berulang kembali, tetapi kita kurang belajar mengenai implikasi sejarah yang disalah takrif dan disalah guna.

"Oleh sebab inilah, piagam ini adalah satu usaha penting dan perlu diberi sokongan meluas oleh semua pihak," katanya.

Perdana Menteri mengakui, ketika ini terdapat banyak rungutan bahawa generasi masa kini terlalu terbawa-bawa dengan teknologi dan modenisasi sehingga nilai kemanusiaan, adat dan budaya terpinggir.

Katanya, akibat daripada budaya itu, wujud kelompok generasi mempraktikkan amalan yang kasar, tidak beradab dan terkeluar daripada batasan agama.

"Saya berharap piagam ini membawa kita setapak lagi lebih dekat kepada mencapai pengisian masyarakat berbudaya tinggi, termasuk kelestarian budaya Melayu yang utuh dan baik.

"Piagam ini diharap turut membantu promosi Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan," katanya yang mahukan kajian sejarah terutamanya bidang arkeologi ditingkatkan.

Pada masa sama, beliau meminta pihak swasta memainkan peranan lebih besar membantu universiti tempatan dalam bidang pengajian arkeologi.

"Kita sudah mempunyai Akta Warisan Kebangsaan 2005 dan mempunyai penyelidikan arkeologi di Universiti Sains Malaysia (USM). Kegiatan tambahan mesti dilakukan," katanya.